

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	ETIQA LIFE INSURANCE BERHAD (“Kami”)
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk membeli Smart Saver Xtra. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	Smart Saver Xtra (Ini adalah produk insurans)
	<Date>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Smart Saver Xtra ialah satu pelan berkaitan pelaburan dengan premium berkala dan tempoh bayaran premium terhad. Pelan ini menyediakan manfaat sehingga tempoh polisi yang dipilih, dengan syarat nilai akaun mencukupi bagi menampung caj-caj polisi. Jumlah premium terdiri daripada Komponen Asas dan Enricher, jika diperlukan. Pilihan tambah nilai berkala dan ad hoc juga disediakan bagi meningkatkan nilai akaun.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Manfaat Kematian	Sekiranya orang yang diinsuranskan meninggal dunia, jumlah berikut akan dibayar: <ul style="list-style-type: none"> a) RM<Sum Insured> ditolak amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum kematian; atau b) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas notis tuntutan diterima dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi. Polisi ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat kematian, dan tiada manfaat lain akan dibayar setelah itu.
2	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sekiranya orang yang diinsuranskan mengalami HUMK sebelum hari jadi yang ke-69, jumlah berikut akan dibayar: <ul style="list-style-type: none"> a) RM<Sum Insured> ditolak amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kelulusan HUMK; atau b) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas tarikh kelulusan HUMK dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi. Polisi ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat HUMK sekiranya jumlah yang diinsuranskan telah terpakai sepenuhnya dan tiada manfaat lain akan dibayar setelah itu. Nota: Jumlah untuk HUMK akan dibayar adalah tertakluk kepada maksimum RM8 juta setiap orang yang diinsuranskan.
3	Manfaat Matang	Nilai akaun akan dibayar.
4	Manfaat Serahan	Nilai akaun akan dibayar.

Kontrak tambahan atau rider		
No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Savings	Savings ialah rider pembayaran premium yang tidak ditukarkan kepada unit ke dalam nilai akaun. Manfaat kematian dan HUMK Sekiranya orang yang diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami HUMK sebelum hari jadi yang ke-69, jumlah berikut akan dibayar: <ul style="list-style-type: none"> a) Jumlah premium yang telah dibayar bagi Savings ditolak jumlah Pembayaran Tunai Dijamin (PTD) yang telah dibayar; atau b) Nilai serahan Savings, mana-mana yang lebih tinggi. Pembayaran Tunai Dijamin (PTD)

	<p>PTD akan dibayar secara tahunan bermula dari akhir tahun polisi yang pertama sehingga polisi ini matang. Jadual pembayaran tahunan anda adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="743 289 1273 562"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Polisi</th> <th>PTD</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1-5</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> <tr> <td>6-10</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> <tr> <td>11-15</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> <tr> <td>16-20</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> <tr> <td>21-25</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> <tr> <td>26-30</td> <td>RM<GCP Amount></td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Manfaat matang</u> Apabila Savings matang, RM<Maturity Benefit Amount> akan dibayar.</p> <p>Pulangan tahunan untuk manfaat dijamin (pembayaran tunai dijamin dan manfaat matang) adalah <Annualised Return %>.</p> <p>Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan rider ini dengan pulangan efektif alternatif-alternatif pelaburan yang lain.</p> <p><u>Serahan Savings</u> Sekiranya polisi diserahkan, nilai serahan Savings ditolak sebarang hutang akan dibayar.</p> <p>Serahan auto bagi Savings akan berlaku jika polisi luput disebabkan nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi polisi serta premium (ditolak komisen) Savings. Polisi boleh luput pada atau selepas tempoh bayaran premium, tetapi selepas tempoh Jaminan Tidak Luput. Sekiranya berlaku serahan secara automatik, nilai serahan Savings ditolak sebarang hutang akan dibayar.</p>	Akhir Tahun Polisi	PTD	1-5	RM<GCP Amount>	6-10	RM<GCP Amount>	11-15	RM<GCP Amount>	16-20	RM<GCP Amount>	21-25	RM<GCP Amount>	26-30	RM<GCP Amount>
Akhir Tahun Polisi	PTD														
1-5	RM<GCP Amount>														
6-10	RM<GCP Amount>														
11-15	RM<GCP Amount>														
16-20	RM<GCP Amount>														
21-25	RM<GCP Amount>														
26-30	RM<GCP Amount>														

Peringatan: Sila baca risalah pemasaran, helaian fakta dana dan ilustrasi jualan yang mengandungi maklumat tentang manfaat produk dan objektif-objektif dana pelaburan. Memilih pelan atau dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda adalah amat penting.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma polisi mungkin akan berubah berdasarkan kepada keperluan pengunderaitan dan keadaan kewangan Kami.

Premium Komponen Asas	RM <Basic Component Premium>
Premium Enricher	RM <Enricher Premium>
Premium Tambah Nilai Berkala	RM<Regular Top-up Premium>
Premium Savings	RM<Savings Premium>

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM <Total Premium> <Premium Mode> dengan butirannya seperti di atas. Tempoh bayaran premium adalah <Premium Paying Term> tahun. Premium tunggal tambah nilai ad hoc sebanyak RM<ad hoc top-up premium> juga ada dibuat ke atas polisi ini.

Anggaran amaun premium adalah sah berdasarkan unjuran dana bagi akaun. Prestasi sebenar dana mungkin berbeza daripada unjuran tersebut akibat prestasi dana yang kurang baik, walaupun semua premium dibayar pada masanya, dan anda mungkin perlu membayar premium tambahan.

Semua fi dan caj insurans (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium yang ditetapkan untuk membeli unit-unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan (i.e. premium yang dibayar tolak premium yang diperuntukkan) akan digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan Kami dan komisen kepada pengedar. Kadar peruntukan adalah seperti jadual berikut. Kadar peruntukan bagi Komponen Asas adalah seperti dalam jadual berikut, sementara kadar peruntukan bagi premium Enricher, tambah nilai berkala dan ad hoc, adalah 95%, sepanjang tempoh polisi. Rider pembayaran premium yang disertakan dengan polisi tidak tertakluk kepada kadar peruntukan dibawah:

Tahun Polisi	Kadar Peruntukan (% Premium Komponen Asas)
1	<Allocation Rate>%
2	<Allocation Rate>%
3	<Allocation Rate>%
4	<Allocation Rate>%
5 dan seterusnya	<Allocation Rate>%

4. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

a) Caj Insurans dan Caj Pentadbiran

Anda perlu membayar caj insurans dan caj pentadbiran yang akan ditolak dari nilai akaun pada setiap bulan. Caj insurans adalah berdasarkan umur; oleh itu ia akan meningkat sejajar dengan peningkatan umur anda. Ini adalah untuk perlindungan insurans yang anda beli di bawah polisi ini. Kadar caj insurans bagi polisi ini adalah dijamin sepanjang tempoh polisi dan tidak tertakluk kepada semakan. Caj pentadbiran semasa ialah RM15 untuk 12 bulan pertama, dan RM6 setiap bulan selepas itu.

b) Fi Pengurusan Dana

Fi pengurusan dana adalah caj untuk menguruskan dana-dana pelaburan dan akan ditolak pada setiap penilaian. Caj ini akan dikenakan secara pro rata pada setiap penilaian seperti skala yang dinyatakan di bawah:

Dana Yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)	Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)
Dana Stabil	<Fund Allocation Rate>	1.00%
Dana Seimbang	<Fund Allocation Rate>	1.25%
Dana Pertumbuhan	<Fund Allocation Rate>	1.50%
Dana Ekuiti Premier	<Fund Allocation Rate>	1.50%
Dana Global Ekuiti Premier	<Fund Allocation Rate>	1.50%
Dana Pendapatan Premier	<Fund Allocation Rate>	1.00%

Dana Indeks Premier	<Fund Allocation Rate>	1.25%
Dana Ekuiti Prima	<Fund Allocation Rate>	1.50%
Dana Pendapatan Prima	<Fund Allocation Rate>	1.00%
Dana Ekuiti Premier Asia Pasifik	<Fund Allocation Rate>	1.50%
Dana Ekuiti Premier Lestari Global	<Fund Allocation Rate>	1.00%

Nota-nota:

- i) Peruntukan ke dalam mana-mana dana mestilah sekurang-kurangnya 10%, dengan gandaan 1%.
- ii) Jumlah peruntukan mestilah 100%.

- c) Fi Pertukaran Dana
Pertukaran adalah tidak terhad dan percuma.

Nota-nota:

- i) Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran atau polisi untuk maklumat terperinci.
- ii) Kecuali kadar caj insurans, lain-lain fi dan caj adalah tidak dijamin dan mungkin berlainan pada masa hadapan dengan memberi 3 bulan notis. Caj-caj mungkin disemak untuk mengambil kira pengalaman tidak memuaskan atau inflasi.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan – Bagi membantu Kami membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda, anda perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkaitan) dan umur, dengan betul. Jika maklumat ini disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia akan mengakibatkan kontrak tidak sah, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat polisi berubah.
- b) Nilai Akaun – Nilai akaun polisi berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih dan tidak dijamin. Lebih tinggi perlindungan insurans yang dipilih, lebih banyak unit yang akan ditolak untuk membayar caj dan fi polisi dan lebih sedikit unit-unit yang akan tinggal untuk mengumpul nilai akaun. Penolakan unit akaun bagi caj-caj polisi dan caj-caj rider (jika ada), adalah sepanjang tempoh polisi, termasuk selepas tempoh bayaran premium.
- c) Pendedahan Risiko – Harus diingat bahawa sebarang pelaburan mempunyai tahap risiko pelaburan tertentu yang ditanggung sepenuhnya oleh pemilik polisi.
- d) Tempoh Tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium perlu dibayar.
- e) Cuti Premium – Jika nilai akaun adalah mencukupi, anda boleh berhenti seketika dari membayar premium. Jika premium tidak dibayar, caj dan fi polisi, termasuk premium (ditolak komisen) bagi rider pembayaran premium, jika ada, akan terus ditolak melalui pembatalan unit-unit dari nilai akaun. Ini akan mengurangkan nilai akaun dan akhirnya menyebabkan polisi luput. Anda perlu memastikan bahawa nilai akaun adalah mencukupi untuk membayar fi dan caj tersebut supaya anda boleh menikmati perlindungan insurans yang tidak tergendala.
- f) Tempoh Jaminan Tidak Luput – Jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi polisi, polisi ini dan ridernya (jika ada) akan terus berkuat kuasa dalam masa 6 tahun polisi pertama daripada tarikh permulaan polisi ini dengan syarat premium yang perlu dibayar dijelaskan tepat pada masanya dalam tempoh tangguh dan tiada pengeluaran separa dibuat dalam tempoh masa ini. Caj dan fi polisi akan terus ditolak daripada nilai akaun. Jika nilai akaun tidak mencukupi, amaun yang kurang tersebut akan dibayar balik daripada premium akan datang, atau akan ditolak daripada wang yang perlu dibayar untuk sebarang tuntutan atau bayaran manfaat. Selepas tempoh jaminan tidak luput, anda mungkin diminta untuk membayar premium tambahan seperti premium tambah nilai, jika nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar balik jumlah yang kurang bagi mengelakkan polisi luput dengan serta merta.
- g) Jika kematian atau HUMK berlaku sebelum hari lahir ke-2 orang yang diinsuranskan, bahagian bayaran Jumlah Yang Berisiko Agregat terhad kepada RM200,000 bagi semua polisi dengan Kami, beserta nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas notis tuntutan atau tarikh kelulusan HUMK, ditambah dengan peratusan lebihan dari RM200,000 berikut:

Umur pada Kematian atau HUMK	Peratusan Lebihan Jumlah Yang Berisiko Agregat
Sebelum hari jadi pertama	25%
Dari hari jadi pertama dan sebelum hari jadi ke-2	50%

- h) Untuk mengelakkan polisi luput, anda mungkin diminta untuk menambah nilai premium pada masa hadapan jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi polisi sepanjang tempoh polisi.

- i) Sebarang amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum kematian atau tarikh kelulusan HUMK akan mengurangkan manfaat yang akan dibayar dengan jumlah yang sama.
- j) Tempoh Percuma – Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas polisi diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Kami akan membatalkan polisi dan mengembalikan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, nilai akaun dana pelaburan mengikut harga unit pada penilaian yang berikutnya dan sebarang caj dan fi polisi yang telah ditolak. Bagi rider pembayaran premium, jika ada, Kami juga akan mengembalikan premium yang telah dibayar. Jumlah yang dikembalikan akan ditolak sebarang kos perubatan yang ditanggung. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika polisi ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada polisi untuk terma dan syarat yang menyeluruh.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- a) Bagi kematian secara langsung atau tidak langsung disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula polisi yang terkini, yang mana lebih kemudian, liabiliti Kami adalah terhad kepada membayar premium yang tidak diperuntukkan, nilai akaun pada penilaian berikutnya setelah notis tuntutan, dan jika ada, jumlah premium yang telah dibayar bagi rider pembayaran premium ditolak jumlah PTD yang telah dibayar.
- b) Pada kematian atau HUMK yang bukan disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh polisi dikeluarkan, liabiliti Kami adalah terhad kepada membayar premium yang tidak diperuntukkan, nilai akaun pada penilaian berikutnya setelah notis tuntutan atau tarikh kelulusan HUMK, dan jika ada, jumlah premium yang telah dibayar bagi rider pembayaran premium ditolak jumlah PTD yang telah dibayar. Ini hanya diguna pakai bagi polisi dengan jaminan penerimaan.
- c) Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian HUMK atau HUMK yang berkaitan dengan, atau kesan daripada apa-apa kecederaan atau penyakit, berlaku sebelum tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula polisi yang terkini, manamana yang lebih kemudian. Ini hanya diguna pakai bagi polisi dengan jaminan penerimaan.
- d) Polisi ini juga tidak akan melindungi HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - i) Kecederaan diri yang disengajakan, atau cubaan membunuh diri;
 - ii) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
 - iii) Penglibatan dalam apa-apa sukan atau aktiviti berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar yang tidak bermotor dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembang gua, dan sukan musim sejuk;
 - iv) Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;
 - v) Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara-negara asing, atau pencerobohan;
 - vi) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang;
 - vii) Provokasi fizikal dan ganas oleh orang yang diinsuranskan, yang membawa kepada tindak balas yang menyebabkan kematian atau kecederaan;
 - viii) Penyedutan racun, gas atau wasap, yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;
 - ix) Pencemaran radioaktif yang berpunca daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemprosesan; atau
 - x) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada polisi untuk pengecualian yang menyeluruh.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Pembelian pelan berkaitan pelaburan dengan premium berkala adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Adalah tidak dinasihatkan untuk menyimpan polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang anda pilih tidak lagi sesuai, anda diberi kelonggaran untuk bertukar ke atau mencampurkan dana-dana lain yang terdapat di bawah pelan ini pada bila-bila masa untuk mengambil peluang dalam pasaran pelaburan.

Nilai serahan (jika ada) adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada premium yang telah dibayar dan tertakluk kepada caj serahan, jika ada.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila e-melkan kepada info@etiga.com.my, atau hubungi Etiqa Online ditalian 1-300-13-8888.

9. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* tentang 'Insurans Berkaitan Pelaburan' yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau anda boleh mendapatkan salinannya dari pendedar Kami atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di talian 1-300-88-6688, atau anda boleh tulis kepada Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau dengan menelefon Etiqa Oneline di 1-300-13-8888, atau e-mel ke Etiqa Life Insurance Berhad di info@etiqa.com.my, atau kunjungi www.etiqa.com.my. Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang ada.

Sila rujuk kepada pendedar Kami untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG BERKAIT DENGAN PRESTASI ASET-ASET DASARNYA, DAN IA BUKANLAH PRODUK PELABURAN SEMATA-MATA SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA HARUS MEMPERTIMBANGKAN PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN MEMASTIKAN BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MENEPATI PILIHAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU UNTUK MEMBAYAR PREMIUMNYA SEPANJANG TEMPOH POLISI INI. ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI TAMBAH NILAI PADA BILA-BILA MASA UNTUK MENINGKATKAN NILAI AKAUN. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada <Issue Date>.